

19 OCT 2003

Mahathir-Apec/I

MALAYSIA MAHU APEC BERBALIK KEPADA MATLAMAT ASAL

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) akan berbalik kepada tujuan asal penubuhannya dan tidak tersasar menjadi satu forum keselamatan.

Dr Mahathir yang menghadiri forum Apec terakhirnya sebelum bersara pada 31 Okt berkata, kumpulan 21 anggota itu sepatutnya mengelakkan daripada memperluaskan skopnya dan kekal pada matlamat kerjasama ekonomi.

"Apec dibentuk sebagai satu kumpulan kerjasama ekonomi. Tetapi kita tidak mahu hal ekonomi diketepikan kerana hal keselamatan, ketenteraan atau politik yang bukan untuk Apec," katanya kepada pemberita Malaysia yang membuat liputan Apec ke-11.

Para pemimpin 21 ekonomi Apec termasuk Presiden Amerika Syarikat George Bush dan rakan sejawatannya dari Rusia Vladimir Putin turut menghadiri mesyuarat Pemimpin Apec yang bermula esok di Government House.

Malah, Dr Mahathir berkata, mesyuarat ini akan menjadi mesyuarat Apec terakhir bagi beliau dan berharap mesyuarat di Bangkok ini akan memberikannya peluang membawa balik Apec ke matlamat asal penubuhannya.

"Saya ingin menjelaskan pendirian kita mengenai apa yang sepatutnya menjadi fokus Apec. Kami merasakan ia patut memberi fokus kepada perkara seperti perdagangan adil serta kesaksamaan dan tidak memperluaskan skop sekarang ini," katanya.

Ketika ditanya sama ada wujud kemungkinan Apec menjadi forum keselamatan, Dr Mahathir berkata perkara itu boleh berlaku dalam keadaan sekarang.

"Kita tahu perkara keselamatan sangat penting. Tetapi saya rasa kita sepatutnya membincangkan hal itu dalam forum lain, keselamatan tidak sahaja memberi kesan kepada negara tertentu tetapi seluruh dunia," katanya.

Dengan itu, Dr Mahathir berkata, satu forum yang merangkumi seluruh dunia sepatutnya membincangkan perkara itu supaya keputusan yang diambil mengambilkira keselamatan semua negara terbabit.

Menjawab satu soalan sama ada beliau telah menukar fikirannya mengenai Apec selepas bersikap skeptikal semasa penubuhannya, Dr Mahathir berkata, "ia merupakan satu hakikat yang kita tidak boleh ketepikan, ianya Apec."

Malaysia, bagaimanapun, katanya memberi tumpuan lebih kepada Asean dan paling jauh kepada Asean+3 yang merupakan forum 10 buah negara Asia Tenggara dengan penyertaan Jepun, Korea Selatan dan China.

"Tetapi Apec nampaknya menghimpunkan negara-negara yang maju pada tahap tidak sama. Dan juga terdapat kecenderungan agenda negara gagah diselitkan dalam Apec. Sementara kami menerima kewujudan defakto Apec, dan kami perlu bekerja dengannya, keutamaan bagi kami masih lagi Asean dan Asean+3," katanya.

Ketika ditanya apa yang boleh dilakukan Apec memandangkan kegagalan rundingan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Cancun bulan lepas, Dr Mahathir berkata, ia sepatutnya membincangkan masalah perdagangan yang membabitkan negara-negara anggota.

"Apec kemungkinan dapat menjelaskan pendirian kita kepada WTO. Menjelaskan kenapa negara membangun memberikan reaksi sedemikian (di Cancun). Jika Apec bersetuju dengan agenda yang lebih bersimpati dengan negara-negara membangun, kita boleh membawa pendirian kita ke WTO, kita akan mempunyai satu kelab yang lebih besar," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Gabungan Perniagaan Amerika-Apec hari ini, Dr Mahathir berkata ia membolehkannya menjelaskan lagi dasar-dasar Malaysia

yang membawa kepada dasar perindustrian dan pertumbuhan ekonomi serta pendekatan mesra perniagaan Malaysia.

Dalam mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata, beliau telah ditanya mengenai pandangan Malaysia mengenai globalisasi dan ucapannya di sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang menimbulkan reaksi dari seluruh dunia.

"Kami tidak menentang globalisasi tetapi menentang tafsirannya. Sejak WTO diwujudkan, agendanya telah ditentukan oleh negara-negara maju yang jelas menumpukan pada bidang-bidang yang mereka mempunyai kepentingan dan memberi faedah kepada mereka," katanya.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata, Malaysia ingin memasukkan agendanya sendiri yang menekankan perdagangan bebas dan adil serta kesaksamaan ketika memberi layanan kepada semua negara.

Mengenai kenyataan beliau berhubung Yahudi memerintah dunia melalui proksi semasa berucap di perasmian sidang kemuncak OIC pada Khamis, katanya beliau tidak menghentam orang lain tetapi menunjukkan cara bagaimana orang Islam dapat memperbaiki diri mereka sendiri.

"Saya bukan sekali-kali anti-semitik. Saya menjelaskan kepada mereka apa yang sebenarnya saya telah kata dan saya rasa mereka memahaminya. Saya memberitahu mereka supaya membaca seluruh teks ucapan dan tidak mengambil mana-mana kenyataan di luar konteks," katanya.

Malah, Dr Mahathir berkata, beliau telah menjelaskan isu itu kepada para pemimpin Asean lain dalam jamuan kerja makan tengah hari tadi.

Dr Mahathir turut menafikan bahawa rundingan dua hala yang dijadualkan dengan rakan sejawatannya dari Kanada, Jean Chretien hari ini dibatalkan kerana tekanan yang dikenakan pada Chretien agar tidak menemuinya.

Sebaliknya, katanya, Chretien tiba lewat di Bangkok dan sebab itulah kedua-dua mereka tidak dapat bertemu hari ini.

-- BERNAMA

AR FR AHM PR